

05 SEP 2003

MAHATHIR-MSK/I

FASA KEDUA MSC AKAN TAMBAH PENDAPATAN RAKYAT M'SIA

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, fasa kedua Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka dapat meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia melalui penyertaan mereka dalam dunia yang memerlukan lebih banyak kemahiran, khususnya yang berlandaskan pengetahuan.

"Dengan melatih orang kita dan mewujudkan peluang bagi mereka mendapatkan pekerjaan yang lebih tinggi upahnya, MSC akan menyumbang ke arah mencapai hasrat negara ini untuk menjadi negara maju," kata Dr Mahathir pada sidang media sempena mesyuarat ketujuh Panel Penasihat Antarabangsa MSC di sini, hari ini.

"Itu cara kita melakukannya, kita boleh menaikkan upah kita hanya dengan melancarkan mogok dan menuntut gaji yang lebih tinggi, tetapi itu tidak akan kekal lama. Kita akan hilang kelebihan daya saingan kita," katanya.

Dalam fasa kedua (2003-2010), MSC akan dihubungkan kepada bandar-bandar siber lain di dunia, mewujudkan jalinan koridor dan juga mewujudkan standard dunia dalam aplikasi perdana dan menyelaraskan rangka kerja undang-undang siber seluruh dunia.

"Kita boleh ada lebih banyak pekerjaan kerana kita mempunyai tenaga manusia. Pekerja-pekerja yang terdiri daripada pendatang asing akan membuat kebanyakan kerja yang memberikan pendapatan rendah tetapi bagi pekerjaan yang memberikan upah lebih tinggi, kita mahu melihat rakyat Malaysia melakukannya," kata Mahathir.

Bagaimanapun, katanya, rakyat Malaysia mestilah sanggup dilatih dan didisiplinkan.

"Rakyat Malaysia sangat cekap. Ternyata Malaysia mempunyai keupayaan melakukan semua ini...seperti yang kita maklum, Malaysia Boleh," tegas beliau.

Ditanya sama ada fasa kedua MSC akan memperkenalkan bidang-bidang baru selain yang sedia ada, Dr Mahathir berkata, "Itulah gunanya IAP. Memang ada pandangan daripada ahli-ahli IAP. Kita akan kaji nasihat mereka. Kita akan cuba masukkan dalam fasa kedua ini."

Mesyuarat ketujuh IAP-MSK yang diadakan di Cyberjaya itu dihadiri oleh 31 ahli panel dan wakil-wakil dari Silicon Graphics Inc, Siemens Information & Communication Network dan Ericsson.

Menjawab satu soalan lain, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai dalam fasa pertama MSC terutamanya mengenai penyertaan syarikat kerana ia melebihi jangkaan terdahulu.

"Kita sasarkan penyertaan 500 syarikat menjelang akhir 2003 tetapi, sekarangpun sudah ada 920 syarikat. Kita sasarkan penyertaan 30 syarikat bertaraf dunia bagi 2003 tetapi kita sekarang ada lebih 50 syarikat," katanya.

Menegaskan lagi maksudnya, beliau berkata: "Jadi jelaslah. Lihat di sekeliling kita dan tengok tempat yang dahulunya hanya ada pokok sawit. Sekarang kita lihat bangunan indah yang bukan kosong, tetapi penuh dengan orang yang bekerja. Itulah sebenarnya yang kita sasarkan," tegasnya.

Dalam tujuh tahun lalu, selain daripada menarik kumpulan teras syarikat bertaraf dunia ke dalam MSC, Malaysia telah melancarkan tujuh Aplikasi Perdana, mengadakan rangka kerja undang-undang siber yang terkemuka di dunia, dan membangunkan Cyberjaya dan Putrajaya sebagai bandar raya pintar terkemuka di dunia.

Sehubungan itu, Dr Mahathir turut menyarankan kerjasama yang lebih kukuh antara industri dan universiti dengan berkata, "hasil daripada penyelidikan ini adalah lebih relevan dan boleh diguna pakai dalam perniagaan."

Beliau menambah dengan kerjasama rapat seumpama itu, penyelidikan diberikan kebebasan untuk bekerja sendiri.

"Kita perlu longgarkan sedikit syarat dan peraturan universiti dan juga penggunaan dana kerajaan bagi penyelidikan dan pembangunan," kata Perdana Menteri.

Apabila ditanya sama ada beliau akan memainkan peranan sebagai penasihat kepada pembangunan MSC selepas persaraan beliau, Dr Mahathir berkata, "Itu kena tanya orang yang bakal menjadi perdana menteri yang baru. Apa yang saya tahu, jika ada apa-apa yang boleh saya bantu, saya akan bantu."

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata MSC telah banyak menyumbang kepada ekonomi negara.

"Pekerjaan telah meningkat dan kita mempunyai pekerja-pekerja yang berpengetahuan. Mereka merupakan pekerja yang mendapat upah yang tinggi dan kita telah berjaya adakan kerja untuk mereka yang terlatih dan itulah rancangan yang kita mahu ikut," tambah beliau.

Tahun ini, sejumlah 21,102 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan dalam lingkungan MSC di mana 17,369 atau 82 peratus ialah untuk pekerja berpengetahuan. Ini mewakili peningkatan hampir 10 kali ganda daripada 2,190 pekerjaan dan 1,946 jawatan pekerja berpengetahuan yang ditawarkan dalam tahun 1997.

Jumlah jualan syarikat-syarikat berstatus MSC juga telah meningkat daripada RM3.93 bilion dalam tahun 2002 kepada anggaran RM5.83 bilion tahun ini. Dalam tahun 2004, jumlah jualan dijangka meningkat kepada RM7.98 bilion dengan eksport dianggarkan berkembang kepada RM1.82 bilion.

Pada persidangan akhbar itu juga, Dr Mahathir mengambil peluang menyampaikan terima kasih beliau kepada anggota-anggota IAP kerana pandangan dan nasihat mereka kepada perkembangan MSC.

"Bagi pihak kerajaan Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota IAP dan mereka yang terlibat kerana kesanggupan mereka meluangkan masa di sini untuk menasihati dan membantu kami memajukan MSC," kata beliau.

"Yang nyatanya penyertaan mereka telah membuahkan hasil, kalau tidak, kita tidak akan mencapai apa yang kita capai hari ini," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAS SM KTC AA